



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 25 MEI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MINISTRY MONITORS SUPPLY OF EIGHT MAIN FOOD COMMODITIES, NATION, CHINA PRESS -A6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	KELULUT MUSNAH DISERANG BERUANG, NEGERI, SH -25	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	EL NINO JEJAS PRODUKSI PENYU JANTAN, NEGERI, SH -26	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	ASSOCIATION WANTS ARTIFICIAL REEF LOCATIONS REVEALED FOR SAFETY OF FISHERMEN, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -7	
5.	FAKTOR PENYU JANTAN KURANG DISEBABKAN CUACA PANAS, DALAM NEGERI, UM -33	
6.	LEBIH 11 JUTA IKAN PATIN SANGKAR MATI SEJAK 2020, DALAM NEGERI, UM -32	
7.	MUKA DEPAN, THE SUN -1	
8.	COMPENSATION POLICY FOR FARMERS DUE TO WILD ANIMAL CONFLICTS IS BEING DRAWN UP, NATION, CHINA PRESS -A3	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
9.	DAGING IMPORT DARI 19 NEGARA TIADA PERAKUAN JPV, DALAM NEGERI, UM -12	
10.	VARIETI BAHARU PERIUK KERA, NEGERI, SH -25	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
11.	MARDI JUMPA VARIETI BAHARU PERIUK KERA, DALAM NEGERI, UM -30	
12.	PPK CADANG TAMBAH JUMLAH STESEN MINYAK, BISNES, HM -29	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Compensation policy for farmers due to wild animal conflicts is being drawn up		
MediaTitle	China Press		
Date	25 May 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A3	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	204 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,024
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,072



■ 聂纳兹米（左3）巡视参展单位，以了解国内生物多样性课题。

（布城24日讯）天然资源、环境及气候变化部长聂纳兹米说，政府正在草拟一项法案，以便遭受野生动物破坏种植物的业者，能获得一笔赔偿金。

他说，该部已与农业及食品安全部及财政部，讨论有关整个法律的框架，以及实施的机制，因此会全面探讨整个机制。

“若因野生动物致死或受伤，肯定有赔偿，只是目前在农作物方面则（没赔偿）会引起业者生气，甚至会致死野生动物。”

聂纳兹米今日出席部门常月机会和生物多样性对话会后，向媒体这么说。

環境部長：草擬法案 動物毀作物可獲賠

他说，有关对话会也提及接近野生动物栖息地或森林保护区附近地区的农业活动，促使人与动物之间的冲突。

“全面的讨论很重要，因不想向无关方作出上述赔偿。若政府不采取积极的防范措施，恐怕人与动物的冲突问题恶化。”

政府在2004年，政府批准遭受野生动物袭击的受害者，可获得支付200令吉或引致死亡最高的2万令吉赔偿基金，以减轻受害者或家属的相关治疗费。

El Nino jejas produksi penyu jantan

Cuaca panas
pengaruhi
penghasilan induk
jantan

Oleh **NORHASPIDA YATIM**
KUALA NERUS

Kadaan cuaca panas atau fenomena El Nino yang dialami di seluruh negara dijangka mempengaruhi penghasilan penyu jantan melalui telur yang ditetas-kan di kebanyakan pusat konservasi hidupan marin itu.

Ketua Makmal Penyelidikan Luar, Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Mohd Uzair Rusli berkata, suhu panas menyebabkan kecenderungan untuk menghasilkan induk betina lebih tinggi berbanding induk jantan.

"Pengeraman telur penyu untuk menghasilkan induk jantan dan betina sedikit unik, tidak se-

perti manusia. Untuk manusia, jika ayah menyumbang X (kromosom) maka akan mendapat bayi lelaki, jika Y (kromosom) akan dapat bayi perempuan.

"Tetapi, untuk penyu pula penentuan jantina berlaku ketika proses pengeraman telur dalam tempoh dua bulan.

"Dalam tempoh itu iaitu ketika fasa selepas 40 hari pengeraman kita perlu pastikan suhu tidak terlalu tinggi kerana ia akan menyebabkan kita menghasilkan banyak induk-induk betina sahaja," katanya kepada pemberita ketika melawat Pusat Taman Laut di Pulau Redang, di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Terengganu, Datuk Tun Ahmad Faisal Tun Abdul Razak dan Pengarah Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu, Fadli Yusof Zakaria.

Menurut Mohd Uzair, pelbagai inisiatif dilakukan bagi me-

mastikan telur penyu yang dieram menghasilkan induk jantan termasuk meletakkan teduhan di kawasan pengeraman.

"Fenomena El Nino memberi kesan kepada penghasilan induk-induk penyu jantan, sebab itu kita perlu pastikan kaedah yang digunakan di pusat penetasan terutama proses pemindahan telur penyu di pusat penetasan perlu dieram pada kedalaman yang betul.

"Telur yang dieramkan pada kedalaman kurang daripada 20 sentimeter akan terdedah kepada perubahan suhu harian. Telur penyu tidak seperti ayam atau burung, kerana ia memerlukan suhu pengeraman yang stabil," jelasnya.

Ujarnya, setakat ini penghasilan penyu jantan di kebanyakan pusat konservasi hampir tiada.

"Berdasarkan hasil kajian kami pada 2021, kita hampir tidak berjaya menghasilkan mana-



Mohd Uzair (kanan) memberi penerangan di salah satu kawasan konservasi penyu di Pusat Taman Laut di Pulau Redang.

mana induk jantan jika telur penyu dieramkan di kawasan terbuka atau kawasan teduhan.

"Sebab itu, cabaran untuk melakukan usaha saintifik ini memerlukan sokongan kerana defnisi kejayaan bagi proses konservasi penyu ini berbeza-beza. Kejayaan dalam usaha ini bagi kami ialah apabila penyu ini kembali semula ke sini untuk bertelur.

"Walaupun kita menghasilkan hampir 1,000 anak penyu daripada satu induk penyu sebenarnya ia boleh menjadikan satu sahaja induk penyu yang kembali semula ke Terengganu selepas tempoh 20 tahun," ujarnya menambahkan, kesan fenomena El Nino dapat dilihat dalam jangka masa selepas dua atau tiga tahun akan datang.

Headline	Association wants artificial reef locations revealed for safety of fishermen		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	25 May 2023	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	7	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	87 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,186
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,558



Harry Tan
Joo Seng

Association wants artificial reef locations revealed for safety of fishermen

BINTULU: The Sarawak Fishing Vessel Association has called on the relevant authorities to reveal the exact locations of artificial reefs planted in Sarawak waters.

Chairman Harry Tan Joo Seng said this is necessary for the safety of fishermen.

"We commercial trawling fishermen, would like to thank the Marine Fisheries Department for the deployment of the artificial reefs, meant for the breeding ground for fish and other marine life.

"For the safety of fishermen and to avoid any untoward incident in the future, we hope the department will share the positions with the fishermen," he said in statement yesterday following the deployment of 16 anti-trawling artificial reefs in Balingian waters on Monday.

He said, for example, if fishermen were to use drift nets in these waters, the nets would roll up in the artificial reef.

Apart from causing accidental damage to the artificial reefs, fish would also avoid breeding in the area, he said.

During Monday's launching of the RM400,000 Anti-Trawling Artificial Reefs project, Sarawak Marine Fisheries Department deputy director Liza Long said seven types of artificial reefs, totalling 13,045 units, have been planted in the Mukah area from 1984 to 2022.

They are tire reefs, vessel reefs, reef balls, cuboid reefs, recreational reefs, coral recreational reefs, and anti-trawling artificial reefs.

She said each of the artificial reefs deployed in Balingian weighed 32 tonnes and were around the size of a bungalow.

Liza said the artificial reefs will be breeding grounds for fish and other marine life, and would function to prevent trawling activities in the area.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/5/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

Faktor penyu jantan kurang disebabkan cuaca panas

KUALA NERUS: Musim panas ketika ini memberi kesan dalam penghasilan penyu jantan melalui telur yang diletakkan di kebanyakan pusat konservasi penyu di negara ini.

Ketua Makmal Penyelidikan Luar, Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof. Dr. Mohd Uzair Rusli berkata, ini kerana jantina penyu ditentukan oleh suhu pengeraman yang mempunyai kesan langsung dengan pemanasan global di seluruh dunia yang semakin kritikal ketika ini.

Beliau berkata, setakat ini penghasilan penyu jantan di kebanyakan pusat konservasi hampir tiada atau sifar.

Tambahnya, berdasarkan hasil kajian UMT pada 2021 mendapati hampir tidak berjaya menghasilkan mana-mana induk jantan jika telur penyu dieramkan di kawasan terbuka.

“Sehubungan itu, pelbagai inisiatif dilakukan hasil kajian



PENGARAH Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Terengganu **TUN Ahmad Faisal Tun Abdul Razak** (tiga, kiri) meninjau pusat penetasan telur penyu ketika melawat Pusat Taman Laut di Pulau Redang, Kuala Nerus, semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

yang dilakukan bagi memastikan telur penyu yang dieram berjaya menghasilkan induk jantan termasuk meletakkan teduhan di kawasan pengeraman. “Dalam tempoh tersebut, iaitu ketika fasa selepas 40 hari pengeraman

kita perlu pastikan suhu tidak terlalu tinggi kerana ia akan menyebabkan kita menghasilkan banyak induk betina sahaja,” katanya kepada pemberita ketika melawat Pusat Taman Laut di Pulau Redang, di sini, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/5/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Lebih 11 juta ikan patin sangkar mati sejak 2020

Oleh NORHAFIZAN ZULKIFLI
utusannews@mediamula.com.my

TEMERLOH: Kualiti benih dan air serta sungai semakin cetek dipercayai antara punca lebih 11 juta ikan patin mati di daerah ini sejak 2020 sekali gus menyebabkan bekalan sumber protein itu semakin kritikal ketika ini.

Difahamkan, daripada 3,000 ekor benih ikan dilepaskan dalam sebuah sangkar, peratusan hidup kira-kira 200 hingga 300 ekor sahaja.

Dianggarkan di daerah ini terdapat 1,500 sangkar ikan membabitkan 150 pengusaha yang ketika ini terjejas kerana mengalami kerugian kira-kira RM50,000 semusim ekoran masalah tersebut.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pengusaha ikan sangkar di Sungai Pahang, Badarudin Husin, 50, berkata, dianggarkan setiap tahun sejak 2020, kira-kira 3.7 juta ikan patin mati membabitkan 1,500 sangkar di sini.

"Ini hanya anggaran secara kasar. Tahun 2021 situasi sebenarnya lebih parah dengan keadaan cuaca tidak menentu,



SEORANG penternak risau memikirkan pengeluaran ikan sangkar miliknya yang semakin berkurangan kerana risiko ikan mati semakin meningkat. - UTUSAN/NORHAFIZAN ZULKIFLI

banyak ikan mati. Begitu juga ketika ini, cuaca cukup panas.

"Sebenarnya, ikan mati itu perkara biasa dalam menempuh tiga fasa pembesaran, namun sejak 2020, ikan mati dalam jumlah luar biasa sehingga mencecah 30 ekor sehari. Belum sempat mencapai berat satu

atau 1.5 kilogram, banyak yang terpaksa dibuang kerana mati.

"Sehinggakan kami terpaksa mengeluarkan ikan seberat 700 gram sehingga 800 gram yang pada kami ia cukup merugikan," katanya di sini.

Badarudin yang mengusahakan ikan sangkar sejak 15 tahun

lalu berkata, kesan yang sama turut terjadi kepada ikan sangkar jenis lain seperti tilapia yang ditenaknya.

"Keadaan menjadi bertambah teruk selepas kejadian banjir pada 2020 dan pada tahun lalu, saya mengalami kerugian sekitar RM50,000.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/5/2023	THE SUN	MUKA DEPAN	1



Headline	Ministry monitors supply of eight main food commodities		
MediaTitle	China Press		
Date	25 May 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A6	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	86 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,696
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,088



農部監督8主要糧食供應

(吉隆坡24日讯) 农业及粮食安全部副部长陈泓缜指出, 该部监督8种主要粮食供应的情况, 其中包括米粮、肉鸡以及鸡蛋, 而根据2021年的记录, 这3种粮食的自给率分别达65%、99.9%和114.4%。



■陈泓缜

他说, 农业及粮食安全部监督的其余5种粮食供应情况, 分别是牛肉、新鲜牛奶、蔬菜、水果和食用鱼, 而根据2021年的记录, 这些粮食的自给率分别达18.9%、56.7%、

46.7%、77.4%以及91.7%。

陈泓缜今日在国会下议院的问答环节, 如是回答巫统巴力士隆区国会议员拿督斯里诺莱妮的提问。

他解释, 粮食自给率(SSR)是一个国家有能力通过本地生产

满足内需的指标, 而政府已经落实各项短期和长期方案, 提升国家粮食安全保障。

他补充, 政府专注于本地生产的产品, 以减少对国外进口产品的依赖。

Daging import dari 19 negara tiada perakuan JPV

Oleh **AMREE AHMAD**

utusannews@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Hanya lapan daripada 27 negara yang diaudit rumah sembelihan memperoleh perakuan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk membawa daging import ke negara ini.

Sumber agensi berkenaan berkata, negara-negara tersebut adalah India, Australia, Brazil, New Zealand, Pakistan, Jepun, Amerika Syarikat (AS) dan Argentina.

"Kami memang melaksanak audit secara berkala amat ketat malah Australia sendiri yang dikatakan agak kontroversi pun sudah dibuat proses itu akhir tahun lepas," katanya di sini semalam.

Semakan menerusi laman sesawang rasmi agensi itu mendapati, baki 19 negara lain tiada premis sembelihan ruminan diperakuan JPV kecuali ke atas kilang pengeluaran daging ayam, telur, khinzir dan produk tenusu berjaya melepasi pengauditan agensi tersebut untuk pengeksportan ke Malaysia.

Antaranya jiran terdekat, Indonesia yang tiada langsung rumah sembelihan ruminan di-

sembelihan halal ruminan di Indonesia dan kesemuanya itu didapati melanggar kod peraturan standard kebajikan haiwan Australia sejak 2021.

Situasi yang sama turut membabitkan Thailand apabila langsung tiada satu pun premis sembelihan ternakan di negara itu dalam data senarai JPV dike-mas kini pada 7 Mac lepas.

Apa yang ada hanyalah 16 buah rumah sembelihan ayam serta 10 syarikat pengeluaran tenusu dengan diiktiraf oleh badan akreditasi halal, *Central Islamic Committee of Thailand*.

Australia muncul sebagai negara yang paling banyak badan diperakui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) iaitu tujuh dengan 19 rumah sembelihan ada pengauditan JPV.

Sementara itu, China pula didapati langsung sifar premis sembelihan ruminan yang dalam senarai JPV meskipun negara tersebut ada enam badan pensijilan halal diiktiraf Jakim.

Situasi berbeza dengan Jepun yang juga ada sama jumlah badan pensijilan halal namun dua rumah sembelihan daging lembu di sana diaudit oleh JPV akhir tahun lepas.



CONTOH logo pengesahan halal dan perakuan JPV yang dicetak pada setiap daging import yang diluluskan untuk dibawa masuk ke Malaysia. - GAMBAR IHSAN JPV

masuk dalam senarai rasmi JPV setelah rekod baharu dike-mas kini pada 6 Mac lalu.

Sebaliknya, JPV menyenarai-kan 10 premis tenusu di republik itu yang turut diperakui oleh Majelis Ulama Indonesia (MUI) bermula pada 3 Mac lepas untuk

Tempoh sah selama tiga tahun. Ketidadaan itu bahkan selaras dengan laporan media antarabangsa pada 10 Mei lalu memetik Jabatan Pertanian Persekutuan Australia menyekat import daging dari Indonesia.

Terdapat hanya tujuh rumah

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/5/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

MARDI jumpa varieti baharu periuk kera

SERDANG: Saintis Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menemukan spesies periuk kera varieti baharu Zabawiana yang disahkan sebagai yang pertama seumpamanya di dunia.

Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani berkata, periuk kera varieti baharu itu ditemukan di Taman Negeri Rompin, Pahang dan Setiu Wetlands, Terengganu hasil dokumentasi projek penyelidikan yang dijalankan institut itu bersama Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

“Hasil penerokaan bersama pegawai-pegawai terlibat, kita menemukan spesies periuk kera varieti baharu. Ia adalah spesies ke-14 yang terdapat di Malaysia dan disahkan oleh pakar botani, Prof. Datuk Dr. Abdul Latiff dari UKM.

“Varieti baharu ini memiliki bentuk seakan-akan telinga yang kecil berdekatan dengan

peristomnya (diameter 0.5-1.3 cm), berwarna hijau kekuningan hingga hijau kemerahan manakala periuk atasnya mempunyai bentuk silinder lebih kecil.

“Spesimen ini mampu tumbuh subur di kawasan tanah rendah, tahan lasak dan mudah dibiakkan menggunakan keratan batang. Selain itu, ia berpotensi dijadikan dan dikomersialkan sebagai tanaman hiasan atau landskap yang menarik,” katanya pada Majlis Sambutan Hari Biodiversiti Peringkat MARDI 2023 di sini, semalam.

Menurut Zabawi, pihaknya bercadang membuat kajian lanjut mengenai potensi kegunaan enzim periuk kera sama ada untuk tujuan pertanian atau perubatan.

“Di dalam tumbuhan periuk kera terdapat takungan enzim yang boleh mencernakan makanannya seperti serangga dan sebagainya untuk dijadikan sumber nutrien. Inilah keunikan periuk kera,” katanya.



MOHAMAD Zabawi Abdul Ghani (kiri) melihat varieti baharu pokok periuk kera pada Majlis Perasmian Sambutan Hari Biodiversiti Peringkat MARDI 2023 di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ MOHD FARIZWAN HASBULLAH

PPK cadang tambah jumlah stesen minyak

Jelevu: Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) ber-cadang menambah jumlah stesen minyak miliknya terutama di kawasan tumpuan seperti di lebuh raya baharu tidak lama lagi.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Nik Mohd Shaharil Nik Md Hashim berkata, LPP sedia membantu sekiranya ada PPK berminat membuka stesen minyak di lokasi terbabit terutama berdekatan kawasan mereka.

Katanya, ia termasuk memajakkan tanah milik LPP kepada PPK terbabit berkaitan perniagaan stesen minyak ketika ini menjadi pelbagai fungsi termasuk memasarkan produk Peladang.

“Malah, ada stesen minyak diusahakan PPK seperti di Lenggong, Perak mempunyai outlet sendiri bagi memasarkan produk peladang pada harga lebih murah.

“Ketika ini 19 stesen minyak milik PPK beroperasi di seluruh negara termasuk di Sabah dan ia antara komitmen PPK dalam pembangunan industri hiliran petroleum di Malaysia,” katanya selepas majlis pelancaran pembukaan semula stesen minyak Petron di sini, semalam.

Hadir sama Pengarah LPP Negeri Sembilan, Hyder Jaleel Gafoor Abdul Rasheed dan Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri Sembilan, Mustafa Katan.



NIK Mohd Shaharil (tengah) pada pembukaan semula stesen minyak Petron dikendalikan PPK Jelevu.